

Headline **UTP jadi Pusat Kecemerlangan Wayarles**
Date **19 Nov 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **93 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **429**
PRValue **1,288**



UTP jadi Pusat Kecemerlangan Wayarles

SERI ISKANDAR - Universiti Teknologi Petronas (UTP) bakal menjadi Pusat Kecemerlangan Wayarles selain melibatkan penempatan graduan dalam pasaran dunia dengan kerjasama Mimos Berhad (Mimos).

Rektor UTP, Datuk Dr. Zainal Abidin Kasim, berkata, kerjasama dua hala dengan Mimos merangkumi bidang penyelidikan Grid Perkomputeran dan Ujian Perisian.

"Kerjasama ini juga penting bagi memastikan UTP mencapai statusnya sebagai universiti penyelidikan bertaraf antarabangsa dan menggunakan teknologi baru dalam kejuruteraan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTP dengan Naib Presiden Kanan Strategi Teknologi dan Operasi Mimos Berhad, Abdul Aziz Abdul Kadir di sini semalam.

Tambah beliau, dengan perjanjian itu, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UTP secara rasmi dilantik oleh Mimos sebagai pusat penyelidikan tentang kluster komunikasi wayarles.

Katanya, pihaknya tidak perlu lagi mencari syarikat multinasional untuk mengetengahkan hasil penyelidikan kerana Mimos akan memainkan peranan dalam hal itu.

"Kakitangan kami juga turut terlibat dalam penyelidikan Grid perkomputeran Kluster yang boleh meningkatkan pengendalian perisian komputer selain menyelesaikan masalah perisian dan perkakasan yang timbul dalam kejuruteraan Grid Komputer.

"Inilah masa untuk mengkomersialkan apa yang boleh dibuat menerusi R&D dan kerjasama ini akan menyediakan platform baru kearah mencapai pusat penyelidikan bertaraf antarabangsa," katanya.